



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

PROGRAM

**PROGRAM FORUM AGENDA WANITA NEGARA (FAWN) 2025 DAN
PELANCARAN BUKU “30 TAHUN CEDAW MALAYSIA”**

LOKASI / TARIKH / MASA

**BERJAYA TIMES SQUARE HOTEL, KUALA LUMPUR
30 SEPTEMBER 2025 (SELASA)
3.00PM**

Kemas kini 30 Sep 25

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

(SALUTASI)

LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN

1. **Alhamdulillah**, syukur ke hadrat Allah SWT kerana kita diberi peluang untuk berkumpul pada petang ini bagi dua acara penting – Forum Agenda Wanita Negara (FAWN) 2025 dan pelancaran Buku *30 Tahun CEDAW Malaysia*.

2. Hari ini kita bukan sahaja hadir untuk meraikan satu penerbitan, tetapi juga untuk menegaskan semula komitmen kita sebagai sebuah negara – bahawa hak wanita adalah hak asasi manusia, dan perjuangan ini tidak boleh dihentikan.
3. Izinkan saya merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dan Bahagian Dasar & Perancangan Strategik KPWKM atas usaha penganjuran forum ini serta penerbitan buku bersejarah ini.

4. Buku ini bukan sekadar catatan 30 tahun perjalanan Malaysia dalam CEDAW – tetapi ia adalah cermin kepada perjuangan, pengorbanan, dan kejayaan wanita kita.

FORUM AGENDA WANITA NEGARA (FAWN) 2025

Hadirin yang saya hormati,

5. Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita yang dilancarkan tahun ini telah membuka lembaran baru bagi perjuangan wanita di Malaysia.

6. Forum Agenda Wanita Negara pula menjadi jambatan untuk menyampaikan dasar ini kepada masyarakat – supaya ia tidak hanya tinggal di atas kertas, tetapi benar-benar memberi makna dalam kehidupan seharian wanita Malaysia.
7. Saya difahamkan bahawa forum pagi tadi telah berjaya mengumpulkan **ahli-ahli panel yang terdiri daripada pelbagai latar belakang serta kepakaran.** Mereka telah mengupas isu-isu utama berkaitan wanita serta idea-idea bernas dalam memartabatkan kedudukan wanita Malaysia dalam pelbagai bidang.

8. Selain itu, perkongsian dalam **program “Bual Bicara Inspirasi CEO”** diharap dapat memberikan inspirasi kepada wanita untuk berjaya sebagai usahawan. Forum **“Diskusi Pascaperceraian”** telah mengetengahkan pandangan **dari sudut agama, undang-undang, serta pengalaman langsung wanita** yang telah melalui fasa perceraian.

9. KPWKM melalui JPW juga telah memperkenalkan **Program Perantisan Kepimpinan Wanita (PERANTIS)**, melibatkan tokoh-tokoh negara yang bersama melahirkan generasi baharu pemimpin wanita. Saya percaya usaha ini akan menjadi batu loncatan bagi lebih ramai wanita mengambil tempat dalam barisan kepimpinan negara.

PELANCARAN BUKU *30 TAHUN CEDAW MALAYSIA*

Puan-puan dan tuan-tuan yang hadir sekalian,

10. Tahun 2025 ini sangat istimewa – kita menyambut ulang tahun ke-30 Deklarasi & Pelan Tindakan Beijing, dan juga ulang tahun ke-30 penyertaan Malaysia dalam CEDAW sejak 5 Julai 1995.

11. Buku ini mendokumentasikan perjalanan penuh liku, termasuk pengiktirafan apabila Malaysia diwakili oleh tokoh kita, **Puan Mary Shanthi Dairiam**, di peringkat Jawatankuasa CEDAW antarabangsa. Ini membuktikan bahawa suara Malaysia bukan hanya kedengaran di dalam negara, tetapi juga dihormati di pentas dunia.
12. Dalam tempoh 30 tahun ini, kita telah menyaksikan perubahan nyata:

- **Akta Kerja 1955 dipinda** untuk melindungi pekerja wanita dengan lebih baik.
- **Akta Antigangguan Seksual 2022** mula dikuatkuasakan sepenuhnya, dengan penubuhan Tribunal Antigangguan Seksual (TAGS) untuk memudahkan mangsa menuntut keadilan.

- **Gender Focal Point dan Gender Focal Team** diwujudkan di setiap kementerian.
- **30% wanita dalam pembuat keputusan** diperkenalkan sebagai langkah khusus.
- Dalam pendidikan, skor Sub-Indeks Pencapaian Pendidikan wanita mencecah 1.071 pada tahun 2023 – bukti wanita Malaysia tidak lagi ketinggalan, malah mendahului dalam bidang akademik.

13. Sasaran kita seterusnya jelas – memastikan 60% kadar penyertaan wanita dalam tenaga kerja, sejajar dengan Kerangka Ekonomi MADANI.
14. Apa yang kita raikan hari ini bukanlah noktah. Ia adalah tanda bahawa perjuangan kita masih jauh. Kesaksamaan gender bukan slogan kosong – ia mesti diterjemahkan ke dalam dasar, undang-undang, peluang pekerjaan, dan yang paling penting, kehidupan harian setiap wanita Malaysia.

15. Saya menyeru semua – kerajaan, NGO, pihak akademik, masyarakat sivil, dan rakyat – untuk terus bersama-sama dalam perjuangan ini. Kerana hanya dengan pendekatan *whole-of-nation*, barulah kita dapat membina sebuah negara yang benar-benar adil dan inklusif.

Dengan penuh harapan, saya melancarkan secara rasmi **Forum Agenda Wanita Negara (FAWN) 2025** dan **Buku 30 Tahun CEDAW Malaysia**.

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.

YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat

30 September 2025